



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN “AWAK OK TAK? JOM KONGSI”
SEMPENA KASIH FUN RUN**

LOKASI / TARIKH / MASA

**DATARAN DBKL, KUALA LUMPUR
12 OKTOBER 2025 (AHAD)
8.30 PAGI**

Kemas kini 11 Okt 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. **Alhamdulillah**, marilah kita panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, **kita bukan sahaja berjaya menamatkan larian ini dengan selamat, tetapi juga bersama-sama meraikan semangat komuniti dan kepedulian.**

2. **Pertama sekali**, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan program pagi ini — **terutamanya kepada KPWKM, Yayasan Kebajikan Negara (YKN), SinarPlus Karangkrif, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)** serta semua rakan strategik, penaja dan sukarelawan. Terima kasih juga kepada para peserta yang menjadikan larian ini bukan sekadar tentang kecergasan, tetapi juga tentang kasih sayang dan kemanusiaan.

KEMPEN “AWAK OK TAK?”

Hadirin yang saya hormati,

3. **Kasih Fun Run ini bukan sekadar aktiviti riadah, tetapi melambangkan perjalanan hidup kita — kadang-kadang laju, kadang perlahan, dan sesekali kita perlukan seseorang di sisi untuk teruskan langkah.**

4. Kami di KPWKM sedar bahawa **kesejahteraan emosi sama penting dengan kesejahteraan fizikal. Sama seperti kita berlari pagi ini untuk jaga kesihatan badan, kita juga perlu berlari ke arah kesejahteraan minda dan jiwa.**
5. Untuk makluman, **sehingga September 2025, lebih 50,000 panggilan telah diterima oleh Talian Kasih. Bayangkan — setiap panggilan itu datang daripada seseorang yang**

memerlukan telinga untuk mendengar, atau bahu untuk bersandar.

- 6. Kempen “Awak OK Tak?” ialah seruan untuk kita semua belajar bertanya, mendengar, dan hadir untuk satu sama lain. Soalan yang nampak kecil, tetapi maknanya besar. Kadang-kadang, “Awak OK tak?” boleh menjadi langkah pertama untuk seseorang rasa dilihat dan disayangi.**

MATLAMAT KEMPEN “AWAK OK TAK?”

7. Melalui kempen ini, kita mahu:
 - a. **Pertama**, meningkatkan kesedaran tentang pentingnya kesejahteraan emosi;
 - b. **Kedua**, mewujudkan masyarakat yang saling peduli dan menyokong;

- c. **Ketiga**, membantu orang ramai mendapatkan khidmat sokongan emosi; dan
 - d. **Keempat**, memperkenalkan **Talian Kasih 15999** sebagai saluran bantuan yang sah dan selamat.
8. KPWKM bersama rakan strategik **akan meneruskan usaha ini melalui pemasangan poster, pelekat dan aktiviti komuniti di seluruh negara — supaya mesej “Awak OK Tak?” terus hidup selepas hari ini.**

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

9. **Saya ingin menyeru kepada semua — jadikan semangat yang kita rasai hari ini sebagai titik mula untuk peduli lebih.**
10. Jika anda nampak rakan, jiran atau ahli keluarga yang kelihatan tidak gembira, **luangkan masa dan tanya “Awak OK tak?” — mungkin itu satu-satunya soalan yang mereka perlukan hari itu.**

11. **Talian Kasih 15999 beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu, dan sentiasa bersedia menyantuni mereka yang memerlukan bantuan, sama ada untuk kaunseling, perlindungan atau sokongan sosial.**

12. **Hari ini kita berlari untuk kesihatan tubuh, tapi marilah kita terus berjalan bersama untuk kesihatan jiwa. Setiap langkah kita, setiap senyuman, setiap pertanyaan — semuanya membawa makna.**

Dengan lafaz **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**, saya dengan sukacitanya merasmikan Kempen “Awak OK Tak? Jom Kongsi”.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
12 Oktober 2025